

Ketokohan Perdana Menteri terserlah

31 15 AUG 1986

KETOKOHAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, terserlah sebagai faktor utama kemenangan cemerlang Barisan Nasional (BN) dalam pilihanraya umum yang lalu.

Sebelum pilihanraya lagi, bukan BN tetapi beliau yang menjadi sasaran utama segala kempen tohmah dan fitnah yang dijalankan oleh pelbagai kalangan khususnya parti-parti pembangkang.

Akhbar *Merdeka* keluaran terbaru berkata, kemenangan BN mempunyai erti yang lebih besar daripada kemenangan-kemangannya pada masa lalu kerana ia dicapai di tengah-tengah gelora yang amat besar dan belum pernah dihadapi pada masa lalu.

KUALA LUMPUR, Jumaat

Menurut akhbar itu, kemenangan lebih dua pertiga itu adalah satu kemenangan yang cemerlang, sungguhpun diakui ia tidak sebesar kemenangan pilihanraya 1982.

"Tetapi menimbangkan bahawa kemenangan tahun 1986 dicapai dalam keadaan-keadaan yang belum pernah dihadapi oleh BN, terutama oleh Datuk Seri Dr Mahathir, maka kemenangan ini adalah lebih besar ertinya," tegas akhbar itu.

Menurut akhbar itu lagi, pelbagai pendapat dan fikiran dikemukakan mengenai sebab-sebab BN mencapai kemenangan, kenapa Pas kalah teruk dan mengapa DAP dapat merebut kawasan yang lebih banyak kali ini.

Tetapi tegas akhbar itu, semua pendapat itu tidak menyentuh betapa BN, terutama Datuk Seri Dr

Mahathir, menjadi sasaran satu kempen hebat yang dilancarkan di dalam dan luar negeri untuk melemah dan menggulingkan kepemimpinan beliau.

"Kalau dikaji semula isu-isu yang dikemukakan oleh setengah-setengah pihak sebelum hari penamaan calon jelas sasaran dan matlamat kempen itu ialah Datuk Seri Dr Mahathir," jelasnya.

Menurut *Merdeka*, kempen itu dilakukan begitu licin dan halus dengan menggunakan isu-isu seperti BMF, Memali, Bukit Cina, Papan dan krisis politik Sabah untuk memomokkan kepemimpinan Datuk Seri Dr Mahathir sebagai kepemimpinan yang tidak menerima kepercayaan dan kewibawaan rakyat.

"Malah tipu helah yang kptor digunakan untuk memfitnah keperibadian beliau demi memperkuatkan kempen mereka," jelasnya.

Akhbar itu berkata, dalam kempen-kempen itu disebut kononnya,

BN dan Datuk Seri Dr Mahathir tidak lagi berwibawa dan gaya kepimpinannya bercorak "kuku besi" kerana beliau tidak bersedia menerima teguran.

Malah menurut akhbar itu, kemerosotan ekonomi negara dan keadaan ekonomi yang kurang pesat itu juga dipersalahkan ke atas Perdana Menteri.

Merdeka berpendapat, kempen itu bertujuan, apabila tiba masa pilihanraya, fikiran dan jiwa rakyat sudah ditanam kuat dengan sikap yang memudahkan mereka menolak kepemimpinan Datuk Seri Dr Mahathir.

Ramal

Menurut akhbar itu, kempen-kempen itu sampai pada kemuncaknya bila sesetengah ahli nu-jum politik, baik di dalam negeri mahupun di luar negeri, meramalkan bahawa dalam pilihanraya umum kali ini, BN akan menerima nasib seperti yang diterimanya pada tahun 1969.

Katanya, sebuah kumpulan pendesak (pressure group) di Pulau Pinang tergamak menyebarkan risalah-risalah yang menyeru pengundi menggunakan peluang dalam keadaan sekarang untuk "mengajar" BN kerana kononnya kerajaan tidak berwibawa dan berkemampuan menyelesaikan segala macam krisis yang melanda negara.